

Cabaran pembangunan hijau hutan konkrit

CIDB pacu pembinaan lestari Malaysia melalui MyCREST



Diamond Building, Suruhanjaya Tenaga salah satu bangunan ikonik pembinaan hijau.



ZAKIAH



ABDUL RAZAK



AHMAD

Oleh NURHIDAYAH HAIROM SHAH ALAM

Di tengah landskap urban yang padat, wujud satu paradigma baharu dalam seni bina iaitu ruang yang kekal nyaman dan sejuk tanpa bergantung kepada pendingin hawa.

Lebih daripada sekadar estetik, reka bentuk tersebut membolehkan pengudaraan semula jadi yang efisien bagi meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan penggunaan tenaga.

Fenomena ini bukan fantasi futuristik tetapi realiti yang ditawarkan oleh pendekatan pembangunan hijau sebagai penyelesaian relevan ketika dunia bergelut dengan impak perubahan iklim dan kelestarian.

Malah pembangunan hijau bukan lagi simbol kemewahan atau pilihan eksklusif dengan mengambil kira peningkatan kos sara hidup dan tekanan terhadap bil utiliti.

Malaysia juga tidak terkecuali namun persoalannya, adakah pembangunan hijau mampu menjadi teras masa depan industri pembinaan?

Mengulas mengenai perkara tersebut, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Gs Dr Zakiah Ponrahon berkata, pembinaan hijau bukan trend tetapi keperluan untuk kesejahteraan hidup

generasi akan datang.

Ujar beliau, pembinaan hijau perlu bermula dengan bahan mesra alam dan reka bentuk mesra iklim setempat seperti solar.

Hakikatnya, hala tuju pembinaan hijau di negara ini semakin jelas dengan pelbagai dasar serta garis panduan kerajaan.

"Namun, bagi memastikan ia dapat dicapai secara menyeluruh dan meresap sebagai budaya dan gaya hidup, kita perlu mempercepatkan kadar penerimaan dan mengarusperdanakan konsep ini," katanya.

CIDB di barisan hadapan

Harapan tersebut selari dengan sasaran pembangunan hijau 2030 yang menyaksikan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) berdiri sebagai barisan hadapan dalam memacu amalan rendah karbon dan mesra alam bagi setiap projek pembangunan.

Pelaksanaannya dilakukan melalui sistem penarafan Alat Pengurangan Karbon dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia (MyCREST) yang diperkenalkan sejak 2016.

Zakiah yang pakar dalam bidang alam bina serta perancangan bandar dan wilayah menjelaskan

kan, sistem MyCREST berperanan sebagai instrumen penting untuk mengukur serta menilai prestasi kelestarian dalam sesebuah projek pembinaan.

"MyCREST mengangkat peranan CIDB daripada pengawal selia kepada pemangkin transformasi, menyeragamkan metrik prestasi.

"Malah mempercepat peralihan industri pembinaan Malaysia ke arah ekonomi binaan rendah karbon berdaya saing," jelas beliau yang mempunyai kepakaran dalam bidang alam bina dan perancangan bandar serta wilayah.

Keuntungan vs cabaran

Pengarah Fourmate Design iaitu sebuah syarikat perunding perancang bandar, Abdul Razak Abdul Rahman turut senada menyifatkan MyCREST menyeimbangkan pengiraan pelepasan karbon, penilaian kitar hayat dan reka bentuk pasif.

Tambah beliau, pulangan jangka panjang pembinaan hijau terbukti apabila secara konsisten menurunkan kos operasi sehingga 30 peratus bergantung pada skala.

"Selain itu, ia membantu mengurangkan fenomena pulau haba di kawasan bandar dan mengawal risiko banjir kilat serta menurunkan tahap pencemaran.

"Bagaimanapun realitinya, pembinaan hijau di negara ini berdepan cabaran yang membuatkan pemaju sering tersepit antara benar-benar melaksanakan projek hijau atau sekadar cukup syarat," katanya.

Mengakui dilema tersebut, Abdul Razak berkata, tiga cabaran utama iaitu kos, kepakaran dan perspektif pengguna yang menganggap rumah hijau sekadar gimik pemasaran.

Sehubungan itu, CIDB dilihat tidak berpeluk tubuh sebaliknya terus memperkukuh peranan melalui latihan pembinaan hijau untuk kontraktor dan arkitek.

Akademi Binaan Malaysia



Kompleks Kerja Raya 2 (Menara KKR) adalah bangunan pertama yang menerima penarafan lima MyCREST.

CIRI-CIRI PEMBINAAN HIJAU	
Kecekapan tenaga	Pencahayaan semula jadi, penebat haba, tenaga solar.
Pengurusan air	Tadahan air hujan, peralatan jimat air, landskap mesra air.
Bahan binaan lestari	Guna bahan tempatan, kitar semula, rendah toksik.
Reka bentuk mesra alam	Orientasi bangunan pasif, ruang hijau, fleksibel.
Kualiti persekitaran dalaman	Pengudaraan baik, udara bersih, pencahayaan selesa.
Pengurusan sisa	Kitar semula semasa dan selepas pembinaan.
Aksesibiliti dan lokasi	Berdekatkan pengangkutan awam, laluan pejalan kaki/basikal.
Pematuhan standard hijau	MyCREST, GBI atau LEED.

(ABM) melatih peserta memahami pelaksanaan, penilaian karbon dan penggunaan alat penarafan MyCREST terhadap reka bentuk, pembinaan serta operasi bangunan.

Bagaimanapun, setiap inisiatif tidak bermakna tanpa kesedaran masyarakat dan mendesak langkah paling kritikal bagi mengubah minda pengguna.

Menurut Presiden Persatuan Ekologi Malaysia (PEM), Profesor Dr Ahmad Ismail, lebih banyak aktiviti pendidikan dan kesedaran awam perlu dilakukan termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan di sekolah.

"Sebagai seorang ahli ekologi, pembangunan hijau mesti mengambil kira sistem ekologi mampan terutama mesra alam sekitar.

"Kemudahan yang menyokong aktiviti kitar semula dan sistem saliran yang baik memerlukan pertimbangan khusus dan jitu dalam pembangunan hijau," katanya.

Tegas beliau, amat penting untuk memahami kehendak sebenar dan keperluan reka bentuk pembangunan hijau bagi mengatasi cabaran semasa pembinaan, penyelenggaraan serta selepas projek siap.



Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (dua dari kiri) ketika meninjau sistem solar fotovolta berkapasiti besar di bangunan Parlimen Malaysia.